

Malaysia komited pastikan keamanan rantau ASEAN

Anwar tegaskan komitmen dalam perbualan telefon dengan Trump

Oleh Suzalina Hafid dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN komited memainkan peranan untuk keamanan wilayah ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata tugas itu terbukti dalam konflik di antara Thailand dan Kemboja yang mencapai perdamaian, baru-baru ini.

Katanya, beliau menegaskan komitmen itu dalam perbualan telefon dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, semalam.

"Dalam perbualan telefon bersama Presiden Donald Trump sebentar tadi, saya tegaskan komitmen Malaysia selaku Pengerusi ASEAN untuk terus memainkan peranan proaktif dalam memastikan keamanan serantau, khususnya terkait isu Kemboja-Thailand.

"Presiden Trump mengiktiraf kejayaan Malaysia memudah cara perjanjian gencatan senjata di antara Kemboja dan Thailand sebagai pencapaian besar yang

memperlihatkan kewibawaan Malaysia dan keteguhan ASEAN.

"Saya turut sampaikan penghargaan kepada beliau atas peranan yang dimainkan oleh AS dalam memastikan gencatan senjata terbabit tercapai," katanya dalam kenyataan, semalam.

Perbualan telefon itu berlangsung ketika Perdana Menteri menerima kunjungan hormat Wakil Perdagangan Amerika Syarikat, Jamieson Greer, yang berada di Malaysia sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN ke-57 dan mesyuarat berkaitan.

Trump hadir bulan depan

Pada masa sama, Anwar berkata, Malaysia menantikan kehadiran Trump ke Sidang Kemuncak ASEAN bulan depan.

Beliau berkata, sidang kemuncak itu akan menjadi platform penting untuk kukuhkan kerjasama demi keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau.

Pada 28 Julai lalu, Thailand dan Kemboja mencapai persefahaman untuk melaksanakan gencatan senjata serta-merta tanpa syarat bagi menghentikan ketegangan di sempadan kedua-dua negara.

Kejayaan itu diumumkan Perdana Menteri, selaku hos, Pengerusi ASEAN dan saksi bagi Mesyuarat Khas Thailand-Kemboja yang berlangsung di Putrajaya.

Mesyuarat khas itu dihadiri Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai, dan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet.

Sementara itu Anwar berkata, Perjanjian Perdagangan Timbal

Balas antara inti pati perbincangan bersama Greer, semalam.

Perdana Menteri menegaskan kepentingan untuk Malaysia dan AS memuktamadkan perjanjian yang kini di peringkat rundingan di antara kedua-dua negara itu.

Beliau yang juga Menteri Kewangan turut bertukar pandangan mengenai hubungan strategik kedua-dua negara serta ASEAN, terutama daripada perspektif perdagangan.



Anwar dalam perbualan telefon bersama Trump, semalam. (Foto FB Anwar Ibrahim)